

MT bersidang esok bincang pilihanraya

KUALA LUMPUR, Jumaat — Majlis Tertinggi (MT) U M N O akan bermesyuarat di ibu pejabat UMNO di sini pagi Ahad ini bagi membincangkan persiapan menghadapi pilihanraya.

Mesyuarat itu yang dipengerusikan oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan dihadiri oleh semua ahli Majlis Tertinggi parti.

Selepas itu, Perdana Menteri, selaku Pengerusi Barisan Nasional akan mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi BN di kediaman rasmi beliau.

Sumber-sumber memberitahu hari ini, Datuk Seri Dr. Mahathir akan memberikan butir-butir mengenai senarai calon yang akan dipilih bertanding dalam pilihan raya merembat kerusi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri.

Beliau juga dijangka mendengar taklimat mengenai persiapan-persiapan terakhir yang disusun bagi memastikan kemenangan UMNO dan Barisan Nasional dalam pilihan raya.

Beliau juga akan memberi taklimat mengenai butir-butir lawatan beliau ke Negara-negara Teluk baru-baru ini.

Sumber-sumber itu menambah, Perdana Menteri juga akan mengumumkan tarikh lawatan beliau ke semua negeri di Semenanjung dan Sabah serta Sarawak mulai minggu depan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia